



## KENYATAAN MAKLUMBALAS

### JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA IBU PEJABAT, PUTRAJAYA



#### MAKLUMBALAS : ISU PENYELUDUPAN 22 EKOR ULAR DARI KUALA LUMPUR KE CHENNAI

BERITA : 30 APRIL 2023

1. Pada 30 April 2023, BERNAMA telah melaporkan kes rampasan sebanyak 22 ekor ular yang telah ditemui dalam bagasi berdaftar '*check-in baggage*' di Lapangan Terbang Chennai, India melalui penerbangan Airasia dari Kuala Lumpur pada Jumaat, 29 April 2023. (rujuk lampiran B keratan berita BERNAMA bertarikh 30 April 2023 – 11.19 pagi)
2. Pemeriksaan ke atas bagasi penumpang semasa ketibaan (*arrival*) atau sebelum pelepasan (*departure*) hendaklah mengikut prosedur-prosedur yang ditetapkan.
3. Pemeriksaan bagasi penumpang adalah berdasarkan penilaian risiko bagi tujuan mengenalpasti barang-barang berikut :
  - a. Dadah
  - b. Barang-barang Larangan Mutlak
  - c. Barang-barang Larangan Bersyarat
  - d. Barang-barang di bawah Akta Perdagangan Strategik 2010
  - e. Barang-barang Berduti /Bercukai
  - f. Matawang
4. Penggunaan mesin pengimbas Kastam di Cawangan Pemeriksaan Penumpang semasa ketibaan (*arrival*) adalah untuk mengimbas bagasi penumpang dan beg '*hand carry baggage*' bagi mengesan barangan berduti / bercukai/ larangan, secara cekap dan berkesan; mencegah semua aktiviti penyelewangan dan penyeludupan.

5. Pegawai Kastam akan mengarahkan penumpang mengikrarkan barang-barang miliknya dan mengimbas setiap bagasi dan beg '*hand carry baggage*' yang dibawa di kaunter Pemeriksaan Kastam sepertimana peruntukan di bawah Seksyen 103, Akta Kastam 1967.
6. Di Lapangan Terbang Antarabangsa KLIA Terminal 1, Lapangan Terbang Antarabangsa KLIA Terminal 2 dan Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang (LTSAAS) bagasi penumpang yang berstatus '*check-in baggage*' perlu didaftarkan di kaunter '*check-in bag*' di mesin pengimbas milik Malaysia Airport Holdings Berhad (MAHB) sebelum penumpang melalui kawasan pemeriksaan Imigresen dan Kastam.
7. Apabila penumpang melalui kawasan pemeriksaan Kastam, hanya bagasi /beg yang diikrarkan sebagai '*hand carry baggage*' sahaja yang akan diperiksa oleh pegawai Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).
8. Berkaitan dengan pemeriksaan bagasi berdaftar berstatus '*check-in baggage*', JKDM dimaklumkan bahawa bagasi berdaftar ini diterima oleh pihak syarikat penerbangan dan diimbas oleh mesin pengimbas bagasi di bahagian '*in-line baggage screening*' di bawah kawalan dan seliaan sepenuhnya oleh Polis Bantuan MAHB (AVSEC). Kawalan ini bagi memastikan keselamatan pesawat, kawasan lapangan terbang dan penerbangan yang mana lebih tertumpu kepada barangan berbahaya dan berisiko seperti senjata api, bom, peluru dan seumpamanya.
9. Pengimbasan dan pemantauan imej semua bagasi dilakukan sepenuhnya oleh Polis Bantuan MAHB, KLIA yang bertugas dan hasil pemeriksaan tersebut akan disalurkan kepada agensi-agensi penguatkuasaan yang berkaitan.
10. Dalam kes ini, bagasi yang diseludup keluar adalah berstatus '*check-in baggage*' yang mana bagasi tersebut diterima oleh pihak syarikat penerbangan dan di bawah kawalan sepenuhnya oleh Polis Bantuan MAHB (AVSEC).
11. Untuk makluman pada masa akan datang, JKDM dan MAHB sedang dalam cadangan pelaksanaan pemeriksaan secara berpusat terhadap penumpang penerbangan antarabangsa yang akan dijalankan di KLIA Terminal 2.

Sekian, terima kasih.

**CAWANGAN PERHUBUNGAN AWAM  
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA  
IBU PEJABAT, PUTRAJAYA**

 [cpa@customs.gov.my](mailto:cpa@customs.gov.my)

 03-8882 2394

 03-8889 5884

 [www.customs.gov.my](http://www.customs.gov.my)

 [JabatanKastamDirajaMalaysia](https://www.facebook.com/JabatanKastamDirajaMalaysia)

 [@KastamMalaysia](https://twitter.com/KastamMalaysia)

 [kastam.malaysia.official](https://www.instagram.com/kastam.malaysia.official)